

## Pertimbangan Alam Sekitar dalam Peraturan Perolehan Kerajaan di Malaysia: Analisis Arahan Perbendaharaan

*Environmental Considerations in Government Procurement Regulations in Malaysia:  
Analysis of Treasury Instructions and Treasury Circulars*

Khairul Naim Adham [naimadham@gmail.com](mailto:naimadham@gmail.com)

Pelajar Siswazah

Chamhuri Siwar [cswar@ukm.my](mailto:cswar@ukm.my)

Profesor Emeritus

Sarah Aziz Abdul Ghani Aziz [saziz@ukm.my](mailto:saziz@ukm.my)

Felo

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI)

Universiti Kebangsaan Malaysia

### ABSTRAK

Perolehan Kerajaan adalah pemerolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut arahan dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan bagi memastikan wang awam dibelanjakan dengan cekap, berhemah serta memberi nilai faedah terbaik. Perolehan Kerajaan di Malaysia merupakan aspek pengurusan kewangan yang penting kerana peratus perbelanjaan awam mengikut bahagian kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) adalah besar iaitu melebihi 25 peratus. Seiring dengan hasrat Kerajaan untuk mengarusperdanakan pertimbangan alam sekitar dalam program pembangunan nasional, perolehan hijau Kerajaan (Government green procurement; GGP) boleh dijadikan sebagai salah satu wadah untuk memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar. Di samping itu, GGP dilihat berupaya memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan lestari. Bagaimanapun, perundangan dan peraturan perolehan Kerajaan sedia ada perlu dikaji semula bagi membolehkan pelaksanaan GGP. Perundangan dan peraturan yang berkaitan dengan perolehan Kerajaan termasuklah Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972), Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969, Akta Kontrak Kerajaan 1949 (Disemak 1973), Akta Perwakilan Kuasa 1956, Arahan Perbendaharaan (AP), Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP), Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP), Pekeliling Perbendaharaan (PP), Surat Arahan Perbendaharaan (SAP), Manual dan Garis Panduan. Kertas ini memberi fokus kepada AP bagi mengkaji kriteria yang perlu dipatuhi dalam perolehan Kerajaan serta mengkaji sejauh mana pertimbangan kepada kriteria alam sekitar diambil kira dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. AP dipilih dalam kajian ini kerana ia merupakan peraturan kewangan dan perakaunan utama dalam sistem pengurusan kewangan Kerajaan. Kajian ini mendapati perolehan Kerajaan memberi penekanan kepada tawaran yang paling menguntungkan dari segi harga dan kualiti tetapi tiada penetapan khusus kepada kriteria alam sekitar.

Kata kunci: Perolehan Kerajaan, perolehan hijau Kerajaan, Arahan Perbendaharaan, pembangunan lestari

### ABSTRACT

*Government procurement refers to the acquisition of supplies, services and works in accordance with current rules and regulations of the Government to ensure that public money is spent efficiently, wisely and value for money. Government procurement in Malaysia is an important aspect of financial management as public expenditure consumes immense amount of allocation, which is greater than 25 percent of Gross Domestic Product (GDP). In line with the Government's aspirations in mainstreaming environmental considerations in its national development program, Government Green Procurement (GGP) can be used as a means to conserve and minimize the impact on the environment. In addition, GGP has the potential to accelerate economic growth towards sustainable development. However, existing government procurement laws and regulations should be reviewed to enable implementation of the GGP. Related laws and regulations with regard to Government procurement include Financial Procedure Act 1957 (Amendment 1972), Ministerial Functions Act 1969, Government Contracts Act 1949 (Revised 1973), Delegation of Powers Act 1956, Treasury Instructions (AP), Treasury Circular Letters (SPP), Federal Central Contract Circulars (PKP), Treasury Circulars*

(PP), Treasury Instruction Letters (SAP), Manual and Guidelines. This paper focuses on the AP to identify criteria that should be adhered in the Government procurement and examine the extent of AP taken into consideration the environmental criteria by using qualitative content analysis methods. AP is selected in this study because it is the major accounting and financial regulation in the Government's financial management systems. This study found that the Government procurement emphasizes on the most favorable offer in terms of price and quality, but no specific determination of environmental criteria.

**Keywords:** Government procurement, Government green procurement, Treasury Instructions, sustainable development

## PENGENALAN

Menurut Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Perdagangan Antarabangsa (United Nations Commission on International Trade Law; UNCITRAL) (1994), perolehan merujuk kepada pemilikan barang, binaan dan perkhidmatan melalui apa jua cara seperti pembelian, pajakan, penyewaan dan sewa beli manakala perolehan Kerajaan pula adalah perolehan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Ia merupakan aktiviti ekonomi untuk memastikan peruntukan Kerajaan dibelanjakan secara berkesan dengan memperoleh item yang betul, pada masa yang betul dan pada harga yang tepat (OECD, 2005). Perolehan Kerajaan juga dikenali sebagai perolehan awam (Arrowsmith, 1998). Ia bukanlah satu frasa asing dalam konteks pembangunan sesebuah negara kerana perolehan Kerajaan merupakan aspek pengurusan kewangan yang menjadi teras dalam pentadbiran sesebuah negara bagi menjamin keberkesanan dan kesinambungan operasi Kerajaan.

Kerajaan mempunyai kuasa beli yang besar kerana merupakan pengguna utama dalam sesebuah negara. Data menunjukkan peratus perbelanjaan awam bagi negara Organisasi untuk Kerjasama dan Pengembangan Ekonomi (Organisation for Cooperation and Development; OECD) adalah di antara 8 hingga 25 peratus daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), negara Kesatuan Eropah (European Union; EU) di antara 11 hingga 17 peratus, dan ada juga negara yang mencecah sehingga 45 peratus (OECD, 2000; Alfonso et al., 2005; Ho et al., 2010; EC, 2011; Adham & Siwar, 2011a). Di Malaysia, perbelanjaan Kerajaan bagi perolehan adalah besar iaitu bersamaan dengan 25 peratus daripada KDNK<sup>1</sup> nominal (McCradden & Gross, 2006). Peratus perbelanjaan awam Malaysia mengikut bahagian kepada KDNK sejak tahun 2000 mencatatkan jumlah di antara 24 hingga 33 peratus (Adham & Siwar, 2011a) dan ia diunjurkan terus berkembang kerana didorong oleh peningkatan dalam perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan serta pelaksanaan pesat program dan projek pembangunan sosioekonomi terutamanya bagi menambah baik pengangkutan awam, menaik taraf infrastruktur luar bandar, membasmi kemiskinan, mengurangkan jenayah dan menyediakan perkhidmatan asas seperti pendidikan dan kesihatan (MOF, 2009a; 2010a).

Selain berfungsi sebagai kunci kepada aktiviti ekonomi negara (Thai, 2001), perolehan Kerajaan memainkan peranan penting sebagai wadah untuk mencapai dasar nasional (McCradden, 2007) dan memacu penyelidikan, pembangunan, inovasi serta komersialisasi (EC, 2005). Ini menunjukkan bahawa perolehan Kerajaan merupakan komponen penting yang mempengaruhi pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan kedudukan sosial. Kepentingan perolehan Kerajaan juga menyaksikan disiplin ini menjadi salah satu aspek tumpuan di persada antarabangsa. Perolehan Kerajaan telah menjadi agenda penting Pertubuhan Perdagangan Dunia (World Trade Organization; WTO), Perjanjian Perdagangan Bebas (Free Trade Agreement; FTA), Organisasi untuk Kerjasama dan Pengembangan Ekonomi (Organisation for Cooperation and Development; OECD), Kesatuan Eropah (European Union; EU), Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara (North American Free Trade Agreement; NAFTA) dan Bank Dunia (McCradden & Gross, 2006). Di bawah WTO, perjanjian plurilateral seperti Perjanjian Perolehan Kerajaan WTO (WTO Government Procurement Agreement; GPA) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa dengan meningkatkan akses dan ketelusan perolehan Kerajaan (Bolton, 2008) telah dimeterai sejak tahun 1979 (McCradden & Gross, 2006).

Salah satu halangan dalam melaksanakan perolehan hijau Kerajaan (Government green procurement; GGP) ialahkekangan dari segi perundangan (Williams et al., 2007). Di peringkat antarabangsa, pelaksanaan GGP tidak bertentangan dengan WTO dengan syarat pelaksanaannya adalah telus dan tiada diskriminasi (Asselt, 2003). Dari perspektif perundangan Malaysia pula, terdapat ruang untuk melaksanakan GGP selaras dengan mandat yang telah diberikan kepada Menteri Kewangan dan Pihak Berkuasa Kewangan di bawah Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972). Bagaimanapun, peraturan perolehan Kerajaan sedia ada perlu dikaji semula dan dipinda bagi membolehkan kriteria

alam sekitar dijadikan sebagai salah satu kriteria yang perlu dipertimbangkan. Kertas ini bertujuan untuk mengkaji kriteria yang perlu dipatuhi dalam peraturan perolehan Kerajaan serta mengkaji sejauh mana kriteria alam sekitar telah diambil kira. Bagaimanapun, kertas ini hanya memberi fokus kepada Arahan Perbendaharaan (AP). Bahagian 2 dan 3 kertas ini memberikan maklumat mengenai perolehan Kerajaan Malaysia dan perolehan hijau Kerajaan (Government green procurement; GGP). Bahagian 4 membincangkan metodologi kajian manakala Bahagian 5 memperincikan daptan kajian. Akhirnya, Bahagian 6 memberikan kesimpulan. Kertas ini penting sebagai inisiatif awal ke arah melaksanakan GGP kerana kajian semula peraturan perolehan Kerajaan adalah diperlukan untuk memastikan ia seiring dengan prinsip GGP.

## **PEROLEHAN KERAJAAN MALAYSIA**

### **Polisi, Objektif dan Strategi**

Dalam konteks Malaysia, perolehan Kerajaan ialah pemerolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut arahan dan peraturan semasa Perbendaharaan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Kerajaan (Adham & Siwar, 2011a). Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, perolehan Kerajaan memainkan peranan penting sebagai pemacu kepada pembangunan ekonomi dan sosial. Ia juga penting sebagai jentera mencapai dasar nasional seperti menggalakkan pembangunan usahawan Bumiputera dan industri tempatan serta pemindahan teknologi (MOF, 2010b). Menyedari akan hal ini, Kerajaan dalam rancangan pembangunan jangka panjangnya telah mengenal pasti perolehan Kerajaan sebagai salah satu disiplin penting ke arah memangkinkan inovasi, menyokong pasaran domestik dan mencapai objektif sosial dan alam sekitar (EPU, 2010; NEAC, 2010). Kejayaan Malaysia memperkenalkan pasport elektronik pada tahun 1998 sehingga melahirkan vendor tempatan bertaraf global merupakan salah satu contoh bagaimana perolehan Kerajaan dapat memangkinkan inovasi (EPU, 2010).

Di samping itu, Kerajaan juga sedar bahawa pelaksanaan perolehan Kerajaan secara terbuka, cekap dan telus akan meningkatkan keyakinan pelabur dari dalam dan luar negara serta menggalakkan pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (small and medium enterprises; SMEs) dalam bidang yang lebih berpotensi dan komersial (NEAC, 2010; EPU, 2010; PEMANDU, 2010a). Pada masa yang sama, penggunaan peruntukan secara efisien akan menjimatkan kos dan mengurangkan defisit fiskal yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan (PEMANDU, 2010a). Ini membolehkan Kerajaan melaksanakan program pembangunan secara lebih menyeluruh. Oleh sebab itulah, Kerajaan menekankan kepentingan memastikan semua urusan perolehan Kerajaan dilaksanakan berasaskan kepada amalan tadbir urus baik (good governance practices) dengan mematuhi prinsip-prinsip kebertanggungjawaban awam<sup>ii</sup> (public accountability), telus<sup>iii</sup> (transparent), nilai faedah terbaik<sup>iv</sup> (value for money), saingan terbuka<sup>v</sup> (open and fair competition) serta adil dan saksama<sup>vi</sup> (fair dealing) (MOF, 2007a). Secara ringkasnya komponen perolehan Kerajaan Malaysia adalah seperti di Rajah 1.

### **Perundangan dan Peraturan**

Pengurusan kewangan awam Persekutuan yang merangkumi perolehan Kerajaan termaktub di dalam Perkara 39 dan Perkara 96 hingga 112 Perlembagaan Persekutuan. Berdasarkan kepada Perlembagaan Persekutuan, kuasa eksekutif pengurusan kewangan Persekutuan adalah terletak hak pada Yang Di Pertuan Agong dan kuasa berkenaan boleh dijalankan oleh Baginda atau Jemaah Menteri atau mananya Menteri yang diberi kuasa oleh Jemaah Menteri atau Parlimen boleh melalui undang-undang memberikan fungsi eksekutif tersebut kepada orang lain (Malaysia, 2006). Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972) menyatakan semua perkara berhubung dengan hal ehwal kewangan Persekutuan adalah diletakkan pada Menteri Kewangan manakala kewangan Negeri diletakkan pada Pihak Berkuasa Kewangan Negeri (TCOLR, 2006a). Dalam konteks Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Berkanun, ia adalah diletakkan pada Pengurus dan Majlis atau Lembaga Pengarah (MOF, 2010b). Selaras dengan Akta Acara Kewangan 1957 (Pindaan 1972), Perbendaharaan iaitu Menteri Kewangan Malaysia dan pegawai di bawah kawalan pentadbirannya atau arahannya adalah pihak berkuasa pusat bagi perolehan Kerajaan sama ada di Malaysia atau di luar negara dalam pengawalan, penguatkuasaan, penyeliaan, penyelaras, penggunaan, pembahagian, penyimpanan, pemindahan dan pelupusan aset awam (MOF, 2008a).

Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan, Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 memperincikan tanggungjawab Kementerian Kewangan Malaysia (Ministry of Finance Malaysia; MOF) iaitu menggubal dasar-dasar yang berhubungan dengan ekonomi, fiskal, kewangan dan strategi

belanjawan tahunan Negara serta melaksanakan fungsi-fungsi dan aktiviti yang berhubungan dengan ekonomi, kewangan, cukai, belanjawan dan perolehan Kerajaan (AGC, 2008). Selaras dengan konsep ‘let managers manage’ bagi meningkatkan kecekapan pengurusan kewangan Kerajaan, perolehan Kerajaan dilaksanakan secara desentralisasi melalui penurunan kuasa kepada Pegawai Pengawal iaitu pegawai awam yang dilantik bagi melaksanakan tugas pengurusan kewangan (MOF, 2008a). Bagi memastikan perolehan Kerajaan dilaksanakan secara teratur, MOF telah menetapkan beberapa peraturan perolehan Kerajaan yang perlu dipatuhi oleh semua Agensi Kerajaan yang telah diberi peruntukan/pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan (sama ada melalui geran peruntukan/pinjaman, pembiayaan sepenuhnya/sebahagiannya) berasaskan kepada amalan tadbir urus yang baik (good governance practices) (MOF, 2007a).

Semua urusan perolehan adalah tertakluk kepada arahan dan peraturan semasa MOF. Di antara peraturan yang perlu dipatuhi termasuklah Arahan Perbendaharaan (AP), Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP), Pekeliling Kontrak Perbendaharaan (PKP), Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) dan Pekeliling Perbendaharaan (MOF, 2010b). Di samping itu, MOF juga mengeluarkan Manual dan Garis Panduan berkaitan perolehan Kerajaan untuk dijadikan panduan. Sekiranya perolehan melibatkan pembiayaan daripada institusi kewangan antarabangsa, maka perolehan perlu selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh institusi kewangan antarabangsa berkenaan (MOF, 2007a). Perundangan dan peraturan berkaitan perolehan Kerajaan Malaysia adalah seperti di Jadual 1.

Di peringkat antarabangsa, Malaysia terlibat secara aktif dalam membincangkan hal-hal berkaitan perolehan Kerajaan terutamanya dari segi penambahbaikan ke atas proses dan prosedur perolehan serta inisiatif menangani rasuah bagi meningkatkan ketelusan, integriti dan mencapai urus tadbir baik. Malaysia merupakan ahli kepada Kumpulan Pakar Perolehan Kerajaan (Government Procurement Experts Group; GPEG) di bawah Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Asia-Pacific Economic Cooperation; APEC), Kumpulan Kerja Perolehan (Procurement Working Group) di bawah UNICITRAL dan penandatangan (signatory) kepada Konvensyen Menentang Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Convention Against Corruption; UNCAC) (MOF, 2012). Malaysia telah menjadi ahli kepada WTO dan telah menandatangani Perjanjian Umum mengenai Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariffs and Trade; GATT) dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN Free Trade Area; AFTA) namun Malaysia belum menandatangani GPA.

### **Transformasi**

Di antara transformasi perolehan Kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah pengurusan peruntukan berasaskan outcome (outcomes-based budget; OBB), perolehan berasaskan analisis pengurusan nilai dan penilaian kos kitaran hayat (life cycle cost; LCC), perolehan secara berpusat bagi barang umum bagi mendapatkan penjimatan merentasi Agensi, memberi autonomi kepada entiti perolehan mengurus perolehan dengan lebih cepat, mengkaji semula piawaian dan peraturan perolehan, dan memastikan kontrak diuruskan secara telus menerusi pembidaan kompetitif (EPU, 2010). Kerajaan juga komited untuk melaksanakan GGP untuk memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar serta memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan lestari (MOF, 2009a; EPU, 2010; PEMANDU, 2010b; Adham et al., 2011).

Membanteras rasuah dalam perolehan Kerajaan telah dalam dijadikan sebagai salah satu Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Results Area; NKRA) Program Transformasi Kerajaan (Government Transformation Program; GTP). Di antara inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah GTP ialah menguatkuasakan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Whistleblower Protection Act 2010), membangunkan pangkalan data pesalah rasuah secara atas talian (online), melaksanakan kesepakatan integriti (Integrity Pacts), membangunkan portal Pusat Maklumat Perolehan Kerajaan (MyProcurement), mempercepatkan perbicaraan kes rasuah dengan penubuhan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah dan Mahkamah Tinggi Khas Rasuah, mengeluarkan pekeliling kepada kakitangan Kerajaan mengenai cara untuk menangani surat sokongan dan mengeluarkan pekeliling pusingan kerja (job rotation) bagi kakitangan dalam bidang kerja berisiko rasuah (hot jobs) (PEMANDU, 2011; EPU, 2010).

### **PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN**

Penggunaan perolehan Kerajaan bagi memulihara alam sekitar sudah menjadi fenomena global (Carlsson & Waara, 2006). Perolehan Kerajaan boleh dijadikan sebagai wadah untuk memulihara alam sekitar kerana ia bertindak sebagai pemangkin kepada amalan pengeluaran dan penggunaan lestari (sustainable consumption and production; SCP). Dalam konteks ini, kuasa beli Kerajaan yang besar

digunakan untuk mempengaruhi pasaran dengan meningkatkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan mesra alam. Produk dan perkhidmatan mesra alam termasuklah (i) Cekap-tenaga dan produk mesra rumah hijau, (ii) Cekap-air dan mengurangkan penggunaan air, (iii) Kurang toksik dan mengurangkan kesan kepada kesihatan, (iv) Menggunakan kurang pembungkusan atau menetapkan syarat pengambilan balik pembungkusan, (v) Menggunakan sumber yang lebih sedikit atau mengurangkan impak ke atas alam sekitar di sepanjang kitaran hayatnya, (vi) Diperbuat daripada material kitar semula seperti material kitar semula bagi pembinaan jalan raya, dan (vii) Organik hijau kitar semula dan produk plastik kitar semula (UNDP, 2008). Dengan adanya libat sama (engagement) Kerajaan dalam pelaksanaan GGP, Kerajaan telah melaksanakan tiga fungsi iaitu mengambil bahagian dalam pasaran, mengawal pelaksanaannya dan menggunakan kuasa belinya (McCrudden, 2007).

Penggunaan perolehan Kerajaan sebagai wadah untuk memulihara alam sekitar dikenali sebagai perolehan awam tanggungjawab alam sekitar (environmentally responsible public purchasing) (Li & Geiser, 2001), pembelian mengutamakan alam sekitar (environmental preferable purchasing; EPP) (Coggburn & Rahm, 2005; US EPA, 2009), perolehan awam hijau (green public procurement; GPP) (Marron, 2003; EC, 2004; Alhola, 2008; PWC et al., 2009; Qiao & Wang, 2010; UNEP, 2011), perolehan awam alam sekitar (environmental public procurement) (EC, 2004) dan perolehan hijau Kerajaan (government green procurement; GGP) (Geng & Doberstein, 2008; Junkang & Xiaofei, 2009; IGPN, 2010). Penulis menggunakan terma GGP di dalam kertas ini. Dalam konteks Malaysia, GGP merujuk kepada perolehan Kerajaan yang mengambil kira kriteria alam sekitar untuk memulihara dan meminimumkan kesan kepada alam sekitar serta memacu pertumbuhan ekonomi negara ke arah pembangunan lestari (Adham & Siwar, 2012). Kriteria alam sekitar yang dimaksudkan merangkumi aspek meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan Gas Rumah Hijau (GHG) yang rendah atau sifar, selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli serta menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharui (KeTTHA, 2009).

GGP bukanlah satu konsep baru kerana ia sebenarnya telah dipraktikkan sejak lebih dua dasawarsa lampau. Jerman telah melaksanakan GGP sejak lebih 20 tahun lalu manakala Amerika Syarikat pada tahun 1993, Kanada pada tahun 1995 (Geng & Doberstein, 2008) serta Belanda dan Denmark masing-masing pada tahun 1991. Pertimbangan kepada aspek alam sekitar melalui perolehan Kerajaan telah pun menjadi agenda penting semasa Sidang Kemuncak Bumi Rio (Rio Earth Summit) pada tahun 1992 seperti mana dipersetujui dalam Deklarasi Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan. Bagi menyemarakkan pelaksanaan GGP, satu Pelan Tindakan telah dilancarkan oleh Suruhanjaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Pembangunan Lestari (United Nations Commission on Sustainable Development; UNCSD). Agenda ini diteruskan semasa Sidang Kemuncak Bumi mengenai Pembangunan Lestari (World Summit on Sustainable Development; WSSD) di Johanesberg pada tahun 2002 yang menggalakkan polisi perolehan Kerajaan bagi merangsang kepada pembangunan dan penyebaran produk dan perkhidmatan mesra alam.

GGP telah dikenal pasti dapat mengurangkan kesan negatif kepada alam sekitar (Erdmenger et al., 2001), mempengaruhi pembangunan dan pasaran teknologi serta produk hijau (EC, 2011), memacu inovasi dan merangsang penghasilan produk mesra alam (Trepte, 2004; Alhola, 2008), meningkatkan kesedaran dan amalan kelestarian (Barr et al., 2005), dan seterusnya menyumbang kepada kebaikan sosial serta pembangunan lestari (McCrudden, 2004; Trepte, 2004; Weiss & Thurbon, 2006; PWC et al. 2009). Prinsip GGP termasuklah (i) Mengambil kira pertimbangan alam sekitar sebagai salah satu faktor (selain daripada faktor tradisional seperti keselamatan, harga, prestasi, dan kesediaaan), (ii) Memberi penekanan kepada pencegahan pencemaran di peringkat awal proses perolehan (mengelakkan atau mengurangkan risiko kepada kesihatan manusia dan alam sekitar) (iii) Meneliti pelbagai atribut alam sekitar di sepanjang kitaran hayat produk atau perkhidmatan (iv) Membuat perbandingan terhadap impak alam sekitar yang berkaitan apabila memilih produk dan perkhidmatan, dan (v) Mengumpul maklumat yang tepat dan bermakna mengenai prestasi alam sekitar secara menyeluruh dan menggunakananya dalam membuat keputusan pembelian (Coggburn & Rahm, 2005; US EPA, 1999).

Kerajaan Malaysia optimis dan komited untuk melaksanakan GGP seperti mana dirangkumkan di dalam Belanjawan 2010, Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), Program Transformasi Ekonomi (Economic Transformation Program; ETP), Model Baru Ekonomi (New Economic Model; NEM) dan Pelan Strategik Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA). Kerajaan menetapkan matlamat bahawa 50 peratus produk dan perkhidmatan yang dibeli oleh sektor awam memiliki pengesahan labek eko<sup>vii</sup> menjelang tahun 2020 (PEMANDU, 2010b). Bagi mencapai sasaran tersebut, Kerajaan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah melaksanakan GGP di antaranya termasuklah Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (Green Technology Financing Scheme; GTFS), Program Perolehan Hijau Malaysia (Malaysia Green Procurement Program; MGPP), Program Pelabelan Hijau Malaysia (Malaysia Green Labelling Program; MGLP) dan Direktori Hijau

Malaysia (Malaysia Green Directory; MGD) (Adham et al., 2011). Bagaimanapun, sehingga kini tiada polisi, kerangka perundangan serta peraturan mengenai GGP di Malaysia (Adham & Siwar, 2011a).

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan kualitatif. Analisis kandungan merupakan satu kaedah analisis statistik bagi melihat kewujudan kata kunci dan frasa (Krippendorff, 1980), menganalisis penulisan dan mesej komunikasi verbal dan visual (Cole, 1988), mengenal pasti, mengekodkan dan mengkategorikan pola utama dalam sesuatu data (Patton, 1990), menyelidik data mentah (Cavana et al., 2001) dan menilai kandungan semantik (Cooper & Schindler, 2003). Ia membolehkan penyelidik meningkatkan kefahaman mengenai data dan menerangkan atau menyatakan sesuatu fenomena (Krippendorff, 1980) serta memahami makna teks dan konteksnya (Bryman, 2004). Bagi kajian ini, dokumen yang dianalisis adalah AP iaitu peraturan kewangan dan perakaunan utama dalam pengurusan kewangan Kerajaan Malaysia. Unit analisis adalah AP yang dikeluarkan pada 31 Julai 2008 dalam Bahasa Melayu. Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) yang berkaitan dengan pindaan AP iaitu SPP Bil. 5 Tahun 2009, SPP Bil. 9 Tahun 2009 dan SPP Bil. 6 Tahun 2010 juga menjadi sebahagian daripada unit analisis (MOF, 2009b, 2009c; 2010c). Setiap dokumen diteliti satu persatu bagi mengkaji kriteria penilaian dan pemilihan bagi perolehan Kerajaan dan sejauh mana AP memberi pertimbangan kepada kriteria alam sekitar. Semua dokumen disediakan dalam bentuk cetakan dan format *PDF*. Semakan dokumen dilaksanakan dalam dua peringkat bagi meningkatkan kesahan (validity) dan kebolehpercayaan (reliability). Pada peringkat pertama, dokumen dalam bentuk *Portable Document Format* (PDF) disemak dengan menggunakan fungsi carian kata kunci dalam program *Adobe Reader 9.0*.

Bagi mengenal pasti peraturan asas perolehan Kerajaan, sebanyak 10 kata kunci berkaitan dengan prinsip dan dasar perolehan Kerajaan telah ditetapkan bagi proses pencarian dalam program *Adobe Reader 9.0*. iaitu ‘kebertanggungjawaban awam’, ‘telus’, ‘nilai faedah terbaik’, ‘saingan terbuka’, ‘adil’, ‘saksama’, ‘Bumiputera’, ‘industri tempatan’, ‘pemindahan teknologi’ dan ‘berdaftar’. Bagi mengenal pasti kriteria penilaian dan pemilihan dalam perolehan Kerajaan, sebanyak 10 kata kunci digunakan iaitu ‘harga’, ‘untung’, ‘kualiti’, ‘kos’, ‘kuantiti’, ‘spesifikasi’, ‘kegunaan’, ‘penyelenggaraan’, ‘keupayaan’ dan ‘alat ganti’. Bagi mengenal pasti kriteria berkaitan alam sekitar, sebanyak 10 kata kunci yang berkaitan dengan alam sekitar digunakan iaitu ‘alam sekitar’, ‘mesra alam’, ‘kualiti alam’, ‘cemar’, ‘sisa’, ‘jimat’, ‘bazir’, ‘hemah’, ‘cermat’ dan ‘perolehan elektronik’. Proses pencarian bagi setiap kata kunci diulang sebanyak dua kali. Pada peringkat kedua, setiap dokumen dalam bentuk cetakan disemak satu persatu secara manual bagi semakan secara lebih terperinci. Kaedah yang digunakan ini diadaptasi daripada kaedah yang telah digunakan oleh Alhola (2008), Kippo-Edlund (2005) dan Bouwer (2005).

## KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

### Prinsip dan Peraturan Asas

Berdasarkan kepada analisis, AP memberi penekanan kepada kepentingan mematuhi prinsip, dasar dan peraturan perolehan Kerajaan yang telah ditetapkan. Prinsip-prinsip menguruskan perolehan Kerajaan yang dinyatakan dalam AP termasuklah kebertanggungjawaban awam, telus, nilai faedah terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama (MOF, 2007a; 2010b). Daripada pernyataan AP, prinsip kebertanggungjawaban awam paling banyak diberi penekanan (sebanyak 74 pernyataan) di mana AP menegaskan bahawa setiap Pegawai Awam mestilah menguruskan wang awam mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan akan menyebabkan Pegawai Awam dikenakan surcaj dan membayar balik kepada Kerajaan sekiranya berlaku sebarang kerugian (MOF, 2008a). Di samping itu, penekanan juga diberikan kepada pematuhan dasar perolehan Kerajaan seperti keperluan berdaftar dengan MOF, Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Construction Industry Development Board Malaysia; CIDB)<sup>viii</sup>, menggalakkan penglibatan usahawan Bumiputera dan pertumbuhan industri tempatan. Keputusan analisis adalah seperti di Jadual 2.

Keperluan berdaftar dengan MOF, PKK dan CIDB bagi syarikat yang ingin mengambil bahagian dalam perolehan Kerajaan adalah untuk memastikan hanya syarikat berkemampuan sahaja menyertai perolehan Kerajaan, memudahkan Kerajaan mengenal pasti syarikat mengikut kategori yang telah ditetapkan, pemantauan serta membantu Kerajaan menggubal dasar perolehan (MOF, 1997). Pada

masa yang sama, ia juga membolehkan Kerajaan mengambil tindakan tatatertib kepada syarikat yang didapati melakukan kesalahan semasa berurus niaga dengan Kerajaan (MOF, 2010c). Langkah memberi keutamaan kepada industri tempatan pula bertujuan untuk mengurangkan pembayaran tidak ketara, pengaliran wang keluar, meningkatkan penglibatan industri pengangkutan dan insurans tempatan serta meningkatkan penggunaan pelabuhan dalam negara (MOF, 1996). Langkah seumpama ini dilihat sebagai salah satu usaha memperkasa pertumbuhan ekonomi domestik dan kapasiti industri tempatan. Oleh itu, Kerajaan telah menetapkan supaya bekalan dan perkhidmatan tempatan hendaklah digunakan sepenuhnya dan perolehan melalui import hanya akan dipertimbangkan setelah dipastikan ia tidak boleh diperoleh secara tempatan (MOF, 2002; 2008a).

Dasar memberi keutamaan kepada syarikat Bumiputera adalah untuk menggalakkan dan menyokong penglibatan usahawan Bumiputera seiring dengan aspirasi negara untuk mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (Bumiputera Commercial and Industrial Community; BCIC)(MOF, 2010b). Syarikat yang diiktiraf sebagai syarikat Bumiputera hendaklah memenuhi kriteria iaitu (i) Sekurang-kurangnya 51 peratus daripada pemilikan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputera di mana pemilikan saham individu Bumiputera hendaklah melebihi saham individu bukan Bumiputera, (ii) Sekurang-kurangnya 51 peratus daripada Lembaga Pengarah syarikat dipegang oleh Bumiputera, (iii) Jawatan Ketua Eksekutif, Pengarah Urusan atau Pengurus Besar dan jawatan-jawatan penting lain (key post) hendaklah dipegang oleh Bumiputera, (iv) Sekurang-kurangnya 51 peratus daripada pekerja syarikat hendaklah terdiri dari Bumiputera, (v) Pengurusan kewangannya hendaklah dikuasai oleh Bumiputera; dan (vi) Carta organisasi dan fungsi pengurusan syarikat hendaklah menunjukkan penguasaan sepenuhnya oleh Bumiputera (MOF, 1995).

### **Kriteria Penilaian dan Pemilihan Bagi Perolehan Kerajaan**

Berdasarkan kepada analisis, penulis telah mengkategorikan kriteria penilaian dan pemilihan dalam perolehan Kerajaan kepada 13 kriteria utama seperti di Jadual 3. Kriteria tersebut adalah (i) Harga, (ii) Kualiti, (iii) Kuantiti, (iv) Kegunaan barang dan perkhidmatan, (v) Kos penyelenggaraan, (vi) Pematuhan spesifikasi, (vii) Kos pembungkusan, pengendalian dan tambang, (viii) Perkhidmatan lepas jualan, (ix) Alat ganti, (x) Keupayaan teknikal dan kewangan, (xi) Tempoh serahan, (xii) Penggunaan bahan api dan bahan mentah, dan (xiii) Nilai jual semula. Secara umumnya kriteria tersebut digunakan bagi mendapatkan tawaran terbaik dan paling menguntungkan Kerajaan. Sebagai tambahan, Perkara 169.1, 193(Pindaan AP Lampiran C, SPP 9/2009) dan 197.3(b) ada menyatakan bahawa faktor-faktor dan kos-kos lain yang berkaitan juga boleh dipertimbangkan, namun tidak menyatakan apakah faktor-faktor dan kos-kos lain yang dimaksudkan.

Berdasarkan kepada kriteria di atas, kajian ini mendapati bahawa kriteria harga dan bukan harga seperti kualiti, kuantiti, tempoh masa dan penyelenggaraan diambil kira dalam membuat keputusan perolehan Kerajaan. Bagaimanapun, tawaran yang terbaik dan paling menguntungkan masih dilihat daripada perspektif harga berdasarkan kepada tawaran terendah yang dinilai dan boleh diterima (lowest evaluated and acceptable offer) (MOF, 2008b).

### **Pertimbangan kepada Kriteria Alam Sekitar**

Walaupun terdapat inisiatif untuk mengambil kira kos keseluruhan, analisis mendapati tiada penetapan khusus kepada kriteria alam sekitar. Bagaimanapun, terdapat beberapa kriteria yang pada pendapat penulis boleh diinterpretasikan sebagai menyumbang kepada penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar kerana kriteria berkenaan adalah selaras dengan prinsip GGP. Kriteria tersebut ialah (i) Pelaksanaan perbelanjaan cermat, (ii) Penggunaan tawaran harga menyeluruh dan (iii) Pelaksanaan perolehan secara elektronik seperti di Jadual 4. Perbelanjaan secara cermat dapat mengelakkan pembaziran dan pada masa yang sama dapat mengurangkan penghasilan sisa dalam proses pengeluaran dan penggunaan. Pendapat ini disokong oleh Erdmerger (2003) kerana menurut beliau perolehan hijau melibatkan usaha untuk mengelakkan pembelian yang keterlaluan dengan menilai semula keperluan penggunaan produk serta mencari penyelesaian lain sekiranya ia masih diperlukan dengan menggantikan produk berkenaan dengan produk mesra alam yang mempunyai kualiti serta fungsi yang setara atau lebih baik. Langkah ini juga dapat mengoptimumkan penggunaan wang awam.

Amalan berhemah dalam menguruskan perolehan Kerajaan sebenarnya telah pun diberi penekanan di dalam beberapa arahan dan peraturan Perbendaharaan seperti SAP bertarikh 17 Disember 2009, SAP bertarikh 15 Julai 2009, PP Bil. 2 Tahun 2009, SPP Bil. 1 Tahun 2008, PP Bil. 7 Tahun 2008, PP Bil. 9 Tahun 2008 dan SAP bertarikh 24 April 2008 (MOF, 2008c; 2008d; 2008e; 2008f; MOF, 2009d; 2009e; 2009f; Adham & Siwar, 2011b). Bagaimanapun, pendekatannya adalah lebih menjurus kepada aspek ekonomi.

## KESIMPULAN

Perolehan Kerajaan memberi kesan signifikan kepada pembangunan ekonomi, sosial dan alam sekitar. Sejak inisiatif GGP diperkenalkan, pertimbangan kepada kriteria alam sekitar dalam perolehan Kerajaan telah dilaksanakan secara meluas di banyak negara (Li & Geiser, 2005; Geng & Doberstein, 2008; Varnas et al., 2009; Ho et al. 2010). Manfaat yang dikaitkan dengan pelaksanaan GGP tidak hanya terhad kepada manfaat alam sekitar sahaja malah mencakupi aspek ekonomi dan sosial seperti meningkatkan daya saing serta menjimatkan kos pemerolehan sepanjang kitaran hayat, meningkatkan tahap kesihatan dan kualiti hidup rakyat (EC, 2011; Ho et al., 2010). Bagaimanapun, kajian ini menunjukkan bahawa kriteria alam sekitar belum diintegrasikan dalam perolehan Kerajaan di Malaysia. Menyedari isu degradasi alam sekitar yang semakin membimbangkan, usaha ke arah melaksanakan GGP hendaklah dipergiatkan. Sekiranya tindakan segera tidak diambil, ia akan menyebabkan usaha menangani bencana berkaitan kemusnahan alam sekitar seperti perubahan iklim semakin sukar dan melibatkan kos yang lebih tinggi (Stern, 2007). Di samping itu pelaksanaan GGP akan meningkatkan kredibiliti Kerajaan dalam agenda pemuliharaan alam sekitar (Siemens, 2003).

